

pendapat

Oleh Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo

Ahli Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan Dasar Pendidikan Tinggi Malaysia (PenDaPaT)



Bahagian 2

Suruhanjaya Pendidikan Tinggi tanpa campur tangan politik

➔ Memperkasa falsafah, prinsip perkhidmatan ahli akademik

Pada prinsipnya, semua ahli akademik (sarjana) di universiti adalah kelompok ilmuwan cemerlang. Mereka dipilih daripada kalangan pelajar cemerlang, dilatih pada tahap pendidikan tertinggi dan selepas itu terus mengasah bakat melalui penyelidikan ufuk ilmu.

Mereka juga sentiasa dinilai oleh ahli kesepakarian, pelajar dan masyarakat awam melalui sumbangan penulisan buku dan makalah ilmiah dan separuh-ilmiah, serta keupayaan menyampaikan buah fikiran (syarahan).

Begitupun, berasaskan bakat dan usaha gigih herbeza, sebahagian daripada sarjana ini lebih menyerlah berbanding dengan yang lain.

Biasa dalam dunia akademik, kekuatan dan kewibawaan seseorang fakulti atau universiti hanya ditentukan oleh beberapa sarjananya yang megacemerlang serta mendapat sanjungan tinggi.

Sebetulnya, universiti awam (UA) diwujudkan berpandukan Akta Badan Berkanun, iaitu akta yang membolehkan mereka beroperasi di luar batas peraturan penjawat awam yang mempunyai bidang kuasa tersendiri melalui kuasa diberikan kepada Lembaga Pengarah dan Senat.

Begitupun, oleh kerana dana pembangunan dan pengurusan dibiayai oleh kerajaan, maka kawalan skim perkhidmatan umumnya masih tertakluk kepada garis panduan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Bagi mengembalikan kecemerlangan universiti dan meletakkan

sarjana di tempat yang sepatutnya, Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan Dasar Pengajian Tinggi Malaysia (PenDaPaT) ingin mengesyorkan Skim Perkhidmatan Akademik Malaysia yang berbeza diperkenalkan.

Penambahbaikan

Berikut adalah asas penambahbaikan yang perlu diperkenalkan bagi melaksanakan reformasi yang diharapkan ini. Pertama, sebuah Suruhanjaya Pendidikan Tinggi boleh diwujudkan berfungsi sebagai badan penasihat kerajaan dalam hal-ehwal governan pengajian tinggi, khususnya berkaitan dengan hala tuju akademik, dasar, perjawatan, perkhidmatan dan kewangan.

Ahli Suruhanjaya ini boleh terdiri daripada mantan Pengerusi Lembaga Pengarah, Naib Canselor, ilmuwan tersohor serta wakil kerajaan dan swasta. Suruhanjaya ini juga perlu diberikan mandat penuh untuk melaksanakan fungsinya tanpa tekanan atau campur tangan politik.

Dalam konteks memperkasa kecemerlangan akademik pula, pengubahan Skim Ahli Akademik Malaysia perlu disejajarkan. Di antara ciri-ciri asas skim ini adalah tangga gaji yang luwes dengan memberikan perhatian kepada aspek kepakaran, keserjanaan, kewibawaan dan sumbangan.

Skim ini boleh menggunakan gelaran atau jawatan seperti sedia ada, iaitu Pensyarah, Profesor Madya, Profesor, Profesor Kanan dan Profesor Ulung.

Bagaimanapun, falsafah gelaran dan ganjaran kewangan (gaji) perlu dibezakan. Jika gelaran berkaitan dengan keserjanaan dan kewibawaan, ganjaran pula dikaitkan dengan pengalaman bekerja dan kepentingan sumbangan.

Oleh itu, sela gaji untuk setiap gelaran seeloknya bersifat luwes dan bertindan. Dalam konteks ini, universiti mampu menaikkan gaji seseorang ahli akademik penting tanpa ikut dengan gelaran.

Tradisi keilmuan

Ciri penting kedua, ialah pemberian gelaran perlu dibuat secara teratur dan mengikut tradisi keilmuan pada peringkat global. Perlantikan ke jawatan profesor umpamanya, perlu mengamalkan penilaian kesepakarian dari dalam dan luar universiti dan hasilnya dirundingi dan diputuskan oleh kumpulan profesor berwibawa (penilaian keserjanaan).

Pengurusan tertinggi hanya memberikan tumpuan kepada praktis terbaik dan melantik berasaskan nasihat kumpulan profesor yang diberikan mandat untuk menilai.

Perkara ketiga penting ialah sistem persaraan juga perlu luwes. Tempoh persaraan boleh pada sela antara 65 hingga 75 tahun bergantung kepada prestasi akademik dan persetujuan bersama.

Penulis yakin, jika kecermerlangan universiti awam ingin diperkasa, falsafah Skim Ahli Akademik Malaysia perlu memberikan tumpuan kepada bakat, intelek dan prestasi akademik.

Jika Perdana Menteri kita masih lagi boleh berkhidmat pada usia 93 tahun, kenapa tidak ahli akademik yang cemerlang?

Penulis juga adalah bekas Naib Canselor di sebuah universiti awam



Bakat akademik yang menggunakan kepakaran dan pemikiran kritis tidak harus terikat dengan usia persaraan, tetapi perlu berteraskan keupayaan keserjanaan dan prestasi sumbangan*

Ulasan buku



Hasil kajian tingkat kehidupan nelayan

Kuala Lumpur: Dalam usaha

membarui meningkatkan taraf hidup nelayan, terutama di kawasan Setiu, Terengganu, sekumpulan penyelidik Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menghasilkan buku *Transformasi Inovasi Sosial Komuniti Nelayan*.

Buku itu dihasilkan melalui kajian membabitkan penyelidik UMT dari Pusat Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri (PJI), Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim (PPPM), Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi (PPSE), Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan (PPSTM), Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Guruan (PPMG) dan Institut Penyelidikan Kenyir.

Penyelidik PJI, Dr Zaleha Mohamad, berkata buku itu menterjemahkan hasil kajian dijalankan kumpulan terbahari berhubung kehidupan dan sosioekonomi nelayan di Setiu, sekaligus mampu membantu menggalakkan aspek pembangunan komuniti berkenaan.

"Kandungan buku ini menceritakan permasalahan kemiskinan dan isu alam sekitar terhadap daya tahan komuniti nelayan antaranya bagaimana mereka menjalani kehidupan seharus-melalui pekerjaan terbahari.

"Selain itu, buku ini menonjolkan peranan 'inovasi sosial' sebagai satu medium bagi melahirkan komuniti yang berdaya saing dan inovatif berdasarkan sumber sedia ada," katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.

Enam aspek
Dr Zaleha berkata, kandungan

info

Transformasi Inovasi Sosial Komuniti Nelayan

+ Harga: RM101
+ 270 muka surat

lengkap berhubung kehidupan dan sosioekonomi nelayan ditonjolkan *Transformasi Inovasi Sosial Komuniti Nelayan* turut melayakkan bahan bacaan itu terpilih sebagai Buku Umum Terbaik Kategori Sains Sosial pada Anugerah Buku Negara, baru-baru ini.

Katanya, buku itu bukan sahaja menerangkan kepada nelayan mengenai peranan yang harus dilakukakan bagi meningkatkan taraf hidup dan menguruskan sosioekonomi, tetapi juga dapat membantu menggalakkan perhubungan antara komuniti dengan industri daripada banyak aspek, seperti pelacangan.

Beliau berkata, buku itu mengandungi enam aspek utama, iaitu pengenalan, latar belakang kajian, komuniti nelayan pesisir pantai, pemerkasaan komuniti nelayan, inovasi sosial dan kesimpulan.

Komuniti nelayan, industri dan pihak yang ingin mendapatkan buku ini, boleh menghubungi Penerbit UMT di talian 09-6684454 atau 09-6684165, selain boleh melayari laman web, <http://penerbit.umt.edu.my>.